

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18 April 2017

SOALAN

Puan Hajah Azizah binti Haji Harun minta PERDANA MENTERI menyatakan bagaimanakah perancangan dan hala tuju Kerajaan dalam memastikan penguatkuasaan yang lebih cekap dan bersepadu dalam kalangan masyarakat dalam memastikan jenayah seksual kanak-kanak dapat dibendung sepenuhnya.

JAWAPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) amat prihatin dan memandang serius mengenai keselamatan kanak-kanak di negara ini terutama kanak-kanak yang menjadi mangsa jenayah seksual. Bagi membendung jenayah ini, Seksyen 27, 28, 29 dan 29A di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 menerangkan dengan jelas tanggungjawab dan kewajipan Pegawai Perubatan atau pengamal perubatan, mana-mana anggota keluarga, pengasuh kanak-kanak dan mana-mana orang untuk melaporkan kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat sekiranya mengetahui bahawa ada kanak-kanak yang dcederakan daripada segi fizikal atau emosi akibat teraniaya, terabai, terbuang atau terdedah, atau teraniaya dari segi seks. Kegagalan melaporkan perkara ini boleh menyebabkan anggota keluarga atau pengasuh kanak-kanak tersebut dikenakan bon oleh Mahkamah dan seterusnya denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekiranya bon tidak dipatuhi. Akta jenayah seksual kanak-kanak akan memberikan tekanan kepada penjenayah-penjenayah tersebut melalui hukuman yang lebih berat. Pihak berkuasa PDRM akan melaksanakan tanggungjawab dalam membawa penjenayah seksual kanak-kanak ke muka pengadilan di bawah akta baru tersebut. Melalui Rang Undang-Undang Jenayah Seksual Kanak-Kanak yang telah diluluskan di peringkat Dewan Rakyat pada 4 April 2017, Fasal 20 memperuntukkan mengenai kewajipan mana-mana orang yang mempunyai pengetahuan mengenai perlakuan apa-apa kesalahan di bawah Rang Undang-Undang ini untuk melaporkan kepada pihak polis. Kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan orang itu boleh dihukum dengan denda tidak melebihi lima ribu ringgit. Peruntukan ini diadakan bagi memastikan masyarakat sekeliling lebih peka dan prihatin terhadap kanak-kanak dan sekali gus mengekang gejala seksual kanak-kanak dalam masyarakat amnya. Tuan Yang Dipertua, Dalam memastikan masyarakat lebih cakna terhadap kesejahteraan kanak-kanak, KPWKM melalui Akta Kanak-Kanak 2001 yang dikemaskini sehingga tahun 2016 turut memasukkan peruntukan baharu berkenaan pelantikan pembantu pelindung. Pembantu pelindung yang dilantik di kalangan masyarakat yang memenuhi kriteria yang ditetapkan membolehkan lebih ramai kanak-kanak dapat diselamatkan akan meringankan tanggungjawab setiap pelindung yang juga pegawai kebajikan daerah khususnya dalam kes membabitkan keselamatan kanak-kanak. Bagi memastikan keselamatan kanak-kanak terus dipertingkatkan, Kerajaan menyediakan satu pangkalan data yang dikenali sebagai Daftar Kanak-Kanak yang diperluaskan penggunaannya. Daftar Kanak-Kanak yang dikendalikan oleh JKJ di bawah Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016, terdahulunya di bawah Akta Ibu hanya menyenaraikan kanak-kanak yang menjadi mangsa (memerlukan perlindungan dan pemeliharaan), kini telah mula menyenaraikan nama pesalah yang disabitkan dengan kesalahan jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis. Maklumat mengenai pesalah ini disalurkan oleh Polis DiRaja Malaysia dan Mahkamah kepada JKJ yang berfungsi sebagai pendekatan secara 'preventive' bagi mengurangkan risiko kanak-kanak terdedah kepada pesalah jenayah yang mana mangsanya sebelum ini adalah kanak-kanak. Daftar Kanak-Kanak mempunyai profil mana-mana orang yang mempunyai kesalahan jenayah seksual yang telah disabitkan supaya mana-mana pengusaha TASKA, operator bas, kantin sekolah, sekolah, Tadika yang ingin mengambil pekerja boleh membuat permohonan ke JKJ untuk 'screening' latarbelakang pemohon pekerjaan supaya ianya bebas daripada rekod jenayah terhadap kanak-kanak. Di bawah Seksyen 3 Akta Kanak-Kanak 2001 yang memperuntukkan penubuhan Majlis Kebangsaan Bagi Kanak-Kanak untuk menasihati Menteri dan membuat syor kepada Kerajaan mengenai aspek perlindungan, pemulihan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak di peringkat kebangsaan serantau dan antarabangsa. Majlis Kebangsaan Bagi Kanak-Kanak ini juga dianggotai oleh orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran dalam bidang kanak-kanak. Majlis ini juga mewujudkan Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak (PPKK) di mana keanggotaan PPKK hendaklah tidak lebih daripada tujuh orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam perkara yang berhubungan dengan perlindungan kanak-kanak serta Pegawai Perubatan dan Polis adalah merupakan anggota tetap PPKK. Fungsi utama PPKK adalah untuk menyelaras perkhidmatan setempat kepada keluarga dan kanak-kanak jika kanak-kanak memerlukan atau disyaki memerlukan perlindungan. Pada masa ini terdapat 126 buah PPKK di seluruh

negara. Falsafah Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 berhubung dengan pemberian keterangan saksi kanak-kanak dapat membantu Mahkamah mempercepatkan dan mempertimbangkan mana-mana kes demi kepentingan keadilan mana-mana kesalahan terutama kanak-kanak yang menjadi mangsa jenayah seksual. Pada tahun 2007 pula, KPWK telah memperkenalkan perkhidmatan Talian Nur yang kini dikenali sebagai Talian Kasih 15999. Talian ini membantu untuk memudahkan orang awam dan mangsa penderaan kanak-kanak membuat aduan dan mendapatkan khidmat nasihat. Mulai 31 Disember 2007 hingga Disember 2016, talian ini telah mengendalikan sebanyak 7,172 panggilan bagi kes kanak-kanak. Seterusnya, pada bulan November 2010, KPWK telah memperluaskan perkhidmatan Talian Kasih 15999 dengan mewujudkan talian khusus bagi aduan kanak-kanak iaitu Childline 15999. Talian ini merupakan talian tambahan bagi memberi perkhidmatan kaunseling kepada kanak-kanak dan bertindak sebagai perantara untuk menangani kes penganiayaan kanak-kanak. Sejak dilancarkan pada November 2010 hingga Disember 2016, talian ini telah mengendalikan sebanyak 19,007 panggilan bagi kes kanak-kanak. Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-Kanak Dalam Dunia Siber (PTCOP) telah dilancarkan pada 24 Mac 2015 bertujuan untuk melindungi kanak-kanak khususnya daripada bahaya ancaman siber termasuk sexual grooming. Pelbagai agensi pelaksana telah dikenal pasti termasuk agensi Kerajaan dan Swasta serta NGO bagi melaksanakan advokasi melalui kerjasama strategik. Antara program advokasi adalah seperti 'Klik Dengan Bijak' yang dilaksanakan bersama dengan SKMM yang mendedahkan teknik mengajar anak-anak tentang komunikasi selamat ketika melayari internet. Bagi mengukuhkan usaha untuk menangani masalah penderaan kanak-kanak, KPWK melalui JKM dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) sedang dan telah melaksanakan pelbagai program advokasi kepada masyarakat di semua peringkat dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain dan NGO. Program advokasi telah direka bagi tujuan pencegahan serta meningkatkan kesedaran masyarakat untuk memberi perlindungan kepada kanak-kanak. Antara program yang telah dilaksanakan adalah Kempen Keselamatan Kanak-Kanak- Sahabat B.I.J.A.K. Kempen ini telah dilancarkan pada Oktober 2014 melalui JKM dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia dan agensi-agensi kerajaan serta NGO. JKM menganjurkan kempen kesedaran berkaitan perlindungan dan keselamatan kanak-kanak di sekolah-sekolah rendah dan pusat aktiviti komuniti yang dikenal pasti dengan kerjasama bersama agensi-agensi terlibat seperti PDRM, LPPKN, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Kempen ini bertujuan untuk menyebarkan maklumat berkaitan aspek keselamatan kanak-kanak termasuk literasi undang-undang kepada kanak-kanak sekolah, ibu, bapa, penjaga, guru-guru serta komuniti. Kempen ini dijalankan secara berterusan dan sehingga kini seramai 5,000 orang kanak-kanak sekolah telah mendapat manfaat dari kempen yang dijalankan. Bagi melindungi kanak-kanak, Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEKERTI) diperkenalkan pada 2009 bagi meningkatkan kesedaran berkenaan isu kesihatan reproduktif yang telah dilaksanakan di Kafe@Teen di bawah LPPKN dan di sekolah-sekolah bagi meningkatkan kesedaran kepentingan pendidikan seksual. Program ini turut memberi perkhidmatan sokongan kepada remaja yang bermasalah dan bimbingan yang diperlukan tentang kesihatan reproduktif. Antara aspek lain yang ditekankan ialah hubungan antara keluarga, hubungan rakan sebaya dan bimbingan klinikal. Sebagai kesimpulan, KPWK amat prihatin akan isu jenayah seksual dikalangan kanak-kanak. Pelbagai perancangan telah dan sedang dijalankan oleh kementerian dan agensi-agensi di bawahnya dalam memastikan penguatkuasaan yang lebih cekap dan bersepadu dikalangan masyarakat. Walau bagaimanapun, usaha berterusan dan kerjasama bersepadu daripada semua pihak iaitu agensi kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan, ahli akademik dan setiap anggota masyarakat diperlukan bagi memastikan jenayah seksual kanak-kanak dapat dibendung.

